

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk memperkasa institusi belia di Negeri Selangor?
- b) Apakah program-program yang tersedia untuk keterlibatan anak muda atau belia di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha memperkasa institusi belia di negeri ini, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor (JBSN Selangor) sememangnya menjalinkan kerjasama yang erat bersama persatuan belia, NGO- NGO, agensi – agensi kerajaan serta swasta yang berkaitan. Sebagai makluman, Majlis Belia Selangor (MBS) adalah merupakan rakan strategik utama Jabatan ini. MBS adalah badan induk yang memayungi badan-badan gabungan institusi belia dan kelab-kelab belia tunggal di negeri Selangor. Pelbagai program atau aktiviti memperkasa institusi belia yang dilaksanakan adalah kolaborasi antara JBSN Selangor bersama MBS.

Bagi tujuan memperkasakan golongan belia, JBSN Selangor juga ada melaksanakan program Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) Peringkat Negeri dan Daerah. MPBN merupakan platform/ wadah bagi pemimpin belia berbincang mengenai isu/ usul dan dasar yang melibatkan pembangunan belia dari pelbagai peringkat.

Bersekali dengan itu juga, pihak Jabatan ada melaksanakan majlis Penganugerahan Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Negeri yang melibatkan 3 kategori utama iaitu Anugerah Perdana Pertubuhan Belia, Tokoh Belia Wanita dan Tokoh Belia Lelaki. Penganugerahan ini adalah salah satu penghormatan dan pengiktirafan kepada golongan belia yang bergerak aktif dan menyumbang kepada aktiviti-aktiviti dalam persatuan untuk pembangunan belia.

Di samping itu, JBSN Selangor juga ada menawarkan geran bantuan kewangan bagi membantu setiap persatuan belia dan NGO yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan bagi merancang dan melaksana program atau aktiviti –aktiviti pembangunan belia bagi belia setempat.

b) Antara program-program pembangunan Belia yang tersedia untuk keterlibatan anak muda/belia di negeri ini adalah seperti berikut:

- i) Ahli Parlimen Belia Malaysia
- ii) Program Felo Perdana dan Felo Korporat
- iii) Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN)
- iv) Anugerah Perdana Belia Negara (APBN)
- v) Sambutan Minggu Belia Malaysia
- vi) Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO)
- vii) Youth Career (Y-Career)
- viii) Pelayaran KLD Tunas Samudera
- ix) Pertukaran Belia Antarabangsa
- x) Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda
- xi) Program Rakan Muda Aktif

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT TAHUN 2019

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk Program-Program Inisiatif Peduli Rakyat Bagi Tahun 2019?
- b) Senaraikan secara terperinci setiap program.
- c) Apakah program-program yang tidak dapat dilaksanakan serta puncanya?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak RM 560,934,170.48 bersamaan dengan 93.01% telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan Program-Program Inisiatif Peduli Rakyat Sepanjang Tahun 2019.
- b) Program-Program Inisiatif Peduli Rakyat yang menerima peruntukan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan sepanjang tahun 2019 adalah seperti perincian berikut:

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	72,000,000.00	51,602,302.66
2	Bas Smart Selangor	29,800,000.00	29,780,701.20
3	Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu Pertama	168,075,000.00	167,979,896.93
4	WiFiSmart Selangor	16,292,532.00	9,315,858.57
5	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	16,488,632.40	14,300,583.18
6	Pengecualian Cukai Pintu dan Fi Lesen	Tidak menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri	
7	Bantuan Bina dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)	1,000,000.00	827,159.81

8	Program Pemberian Bantuan Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan	8,400,000.00	8,292,500.00
9	Skim Peduli Sihat	42,500,000.00	40,341,123.52
10	Panel Dialisis Sihat Selangor	4,500,000.00	3,602,290.00
11	Bantuan Sihat Selangor	500,000.00	1,174,435.00
12	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	-	812,515.00
13	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	25,000,000.00	25,000,000.00
14	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (ASUH PINTAR)	735,000.00	734,280.00
15	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	3,138,381.00	3,088,726.00
16	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	25,036,560.20	25,036,550.20
17	Insentif Perkahwinan Belia	812,500.00	1,050,500.00
18	Perpustakaan Bergerak Smart Selangor	750,000.00	750,000.00
19	Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	2,000,000.00	2,059,286.00
20	Program Khas Peduli Siswa	16,600,000.00	6,804,711.60
21	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor (Tabung Kumpulan Wang Biasiswa)	16,600,000.00	21,956,999.06 (peruntukan lebih adalah daripada bayaran pinjaman balik oleh peminjam)
22	Program Tuisyen Rakyat Selangor	5,960,858.00	1,106,000.00
23	Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor	24,000,000.00	23,719,000.00
24	Hadiah Pengajian IPT	2,458,000.00	2,458,000.00
25	IKTISASS	24,509,200.00	7,405,982.40
26	Latihan Usahawan IT (SITEC)	6,000,000.00	535,023.00
27	Skim Hijrah Selangor	25,000,000.00	66,088,000.00(peruntukan lebih adalah daripada bayaran pinjaman balik oleh peminjam)
28	Dana Usahawan Mikro Selangor	2,917,832.50	2,715,400.85
29	Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan	2,000,000.00	1,613,750.00

30	Skim Smart Sewa	50,000,000.00	30,900,000.00
31	Skim DanaSel	Tidak menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri	
32	Skim Rumah Selangorku	Tidak menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri	
33	Skim Ceria (Mengecat Rumah, baiki lif)	10,000,000.00	9,882,595.50
	JUMLAH (RM)	603,074,496.10	560,934,170.48

- c) Sebanyak 2 program IPR yang tidak dapat dilaksanakan daripada 33 program IPR yang telah dijangka pada tahun 2019. Berikut merupakan program-program yang tidak dapat dilaksanakan berserta puncanya:

BIL.	PROGRAM IPR	PUNCA TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019
1.	Insentif Perkahwinan Belia	Insentif Perkahwinan Belia telah dihentikan pada 1 September 2018 dan penjangaran semula telah dibuat pada tahun 2019. Program untuk belia ini telah dijangka daripada pemberian wang insentif semata-mata kepada konsep pelaksanaan kursus kekeluargaan berserta wang insentif. Program dinamakan Insentif Generasi Muda Selangor (iGems) telah dibuka pendaftaran bermula 18 November 2019 dan pelaksanaan kursus bermula 22 Januari 2020. Konsep iGems adalah pemberian insentif RM300 dengan mewajibkan pasangan suami dan isteri hadir kursus kekeluargaan yang dikendalikan oleh LPPKN.
2.	Skim <i>Rent To Own</i>	Tiada peruntukan pada tahun 2019 disebabkan peruntukan Pembangunan <i>One-Off</i> pada tahun 2016 sejumlah RM 1.68 juta telah dibelanjakan bagi pembelian sebanyak 100 unit perumahan Kos Rendah kepada penduduk setinggan di Seksyen 16, Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai di DUN Sentosa?
- b) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai telah disiapkan ?
- c) Apakah tindakan diambil ke atas pemaju yang gagal menyiapkan projek?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Mac 2020 terdapat 2 projek terbengkalai di DUN Sentosa.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bermula dari pada tahun 2008 sehingga Disember 2019 sebanyak 81 projek terbengkalai dibawah kategori perumahan/komersial/industri yang melibatkan 32,434 unit telah berjaya diselesaikan di Negeri Selangor.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedang mendapatkan carian nama-nama Ahli Lembaga Pengarah bagi projek terbengkalai di Negeri Selangor melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat pemaju dan projek terbengkalai tersebut akan dipaparkan di laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan turut diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya telah dikenalpasti nama-nama Ahli Lembaga Pengarah projek terbengkalai terlibat maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah nama syarikat pemaju lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA EMAS

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan 5 DUN yang mempunyai populasi tertinggi warga emas, dan bilangan warga emas di 5 DUN tersebut.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara di peringkat akar umbi?

JAWAPAN:

- a) Untuk Maklumat YB, buat masa ini pihak Kerajaan Negeri tiada maklumat mengenai perkara ini walau bagaimanapun pihak YB, disyorkan untuk menghubungi jabatan statistik untuk mendapatkan info tersebut.
- b) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Warga Emas Negara mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Matlamat Dasar Warga Emas Negara ialah mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membolehkan dan membantu supaya warga emas hidup sejahtera.

Dalam memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah menjadi agenda tetap dalam mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara. Seterusnya satu Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara yang dipengerusikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ditubuhkan bagi merangka, melaksana, memantau dan menilai program-program yang digariskan di bawah Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara.

Selain itu Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas di peringkat Negeri Selangor telah dibentuk dan dipengerusikan oleh YB Puan Dr Siti Mariah binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pula bertindak sebagai urus setia. Setiap Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri perlu menyediakan rancangan tahunan pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Negara mengikut keutamaan negeri masing-masing yang akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal.

Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah (JPWED) turut ditubuhkan bagi memantapkan lagi usaha pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara di peringkat akar umbi. Keanggotaan jawatankuasa ini di peringkat daerah adalah seperti berikut :-

- i. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah
- ii. Pejabat Kesihatan Daerah
- iii. Pejabat Pendidikan Daerah
- iv. Pejabat Agama Islam Daerah
- v. Pejabat Penerangan Daerah
- vi. Jabatan Tenaga Kerja
- vii. Ibu Pejabat Polis Daerah
- viii. Pihak Berkuasa Tempatan
- ix. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Warga Emas
- x. Pusat Aktiviti Warga Emas
- xi. Institusi Warga Emas dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

Jadual dibawah menunjukkan senarai Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah (JPWED) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang telah dilantik seperti berikut:

Bil	Daerah	Nama Pengerusi	Jawatan
1.	Petaling	Puan Norzalina binti Yusof	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
2.	Gombak	Puan Eamy binti Mokhtar	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
3.	Hulu Langat	Puan Khairul Aizawati Binti Khalid	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
4.	Klang	Encik Mahyuddin bin Musa@Hussain	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
Bil	Daerah	Nama Pengerusi	Jawatan
5.	Sabak Bernam	Tuan Nasir bin Mamat	Pegawai Daerah
6.	Kuala Selangor	Tuan Mohd Faizal Bin Abdul Raji	Pegawai Daerah
7.	Hulu Selangor	Pn Nor Uyuni Hamdi binti Ahmad Mahdi	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
8.	Kuala Langat	Encik Mohd Asraf bin Redzuan	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
9.	Sepang	Tuan Mohd Yazid bin Sairi	Pegawai Daerah

[Sumber dari : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor]

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : SHAH ALAM DIALOGUE

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan program Shah Alam Dialogue yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2019?
- b) Berapakah bilangan wacana atau program yang dianjurkan di bawah inisiatif Shah Alam Dialogue?
- c) Adakah Shah Alam Dialogue akan diteruskan dalam tahun 2020?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PELANCONGAN INDUSTRI

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Balakong sedang membangunkan Pelancongan Industri iaitu menjadikan kilang-kilang satu tarikan pelancongan kepada pelancong dari dalam atau luar negara. Apakah bantuan yang boleh disalurkan daripada pihak kerajaan demi menjayakan usaha ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor menyambut baik cadangan untuk menjadikan kilang-kilang satu tarikan pelancongan kepada pelancong dari dalam atau luar Negara. Antara bantuan yang boleh disalurkan daripada pihak Kerajaan demi menjayakan usaha ini adalah dari segi bantuan promosi serta lawatan teknikal pelancongan yang melibatkan beberapa agensi yang berkaitan bagi memastikan produk pelancongan baru yang diperkenalkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dalam membangunkan kawasan pelancongan khususnya produk pelancongan yang baru antaranya seperti yang berikut:
- i) Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992 dan mengenal pasti status tanah atau kawasan yang ingin dijadikan kawasan pelancongan.
 - ii) Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur, kemudahan jalan serta akses, dan nilai komersial menggambarkan "*x-factor*" dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
 - iii) Aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain bagi memasarkan produk pelancongan yang mempunyai potensi diangkat menjadi tempat tarikan pelancong melalui pakej pelancongan yang bersepadu dan bekerjasama dengan agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pada perancangan untuk membentuk Pengurusan Infra jalan luar bandar dengan model Konsesi agar keadaan jalan luar bandar lebih baik & selamat
- b) Berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan untuk menyelenggara jalan luar bandar sejak 5 tahun yg lalu

JAWAPAN:

- a) JKR Selangor melalui peruntukan MARRIS telahpun menyediakan kontrak khas (pelantikan konsesi) bagi penyelenggaraan jalan di bawah Kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan Negeri di Negeri Selangor. Kontrak ini melibatkan penyelenggaraan Jalan negeri yang berada di dalam bandar mahupun di luar bandar. Secara umumnya, penyelenggaraan Kontrak Jangka Panjang ini melibatkan beberapa kerja rutin yang perlu dilaksanakan ke atas jalan berkenaan termasuklah penampalan 'potholes', pemotongan rumput, pembersihan longkang dan sebagainya (terdapat 11 jenis rutin). Ini adalah bertujuan untuk memastikan jalan berkenaan sentiasa diselenggara dengan keadaan baik dan selamat untuk digunakan oleh pengguna jalanraya.
- b) Jalan luar bandar dikategorikan sebagai Jalan Kampung di mana peruntukan disalurkan ke Pejabat Daerah dan Tanah bagi menaik taraf dan menyelenggara jalan tersebut. Terdapat sumber peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ke Pejabat Daerah dan Tanah melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Projek Naik Taraf Jalan Kampung dan Kementerian Kewangan di bawah Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS). Peruntukan yang telah disalurkan melalui peruntukan MARRIS adalah seperti berikut :-

Tahun	Peruntukan MARRIS Disalurkan ke 9 PDT Selangor (RM)
2015	13,798,109.70
2016	9,513,272.13
2017	25,455,630.44
2018	27,491,803.11
2019	28,816,296.15
JUMLAH	105,075,111.53

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENCAHAYAAN BUKIT AMPANG

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan akan menambah lampu-lampu jalan bagi kawasan Bukit Ampang yang masih gelap?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATUS KEM GHAFAR BABA (KGB)

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) KGB yang sudah siap secara fizikal pada 2017 telah diserahkan kepada SUK untuk diserahkan kepada MPAJ. Seterusnya MPAJ diarahkan memasang kelengkapan dalaman bagi kemudahan orang ramai. Nyatakan secara terperinci segala aktiviti dan transaksi kewangan sepanjang Januari 2018 hingga Disember 2019.

JAWAPAN:

- a) Pengurusan dan penyelenggaraan KGB telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Susulan itu, MPAJ telah melantik syarikat pembersihan dan syarikat kawalan keselamatan tanpa senjata bagi memastikan bangunan ini dijaga dan diselenggara dengan baik. Buat masa kini, semua aktiviti penggunaan di KGB adalah terdiri daripada program jabatan dalaman MPAJ sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DI SALURAN KONKRIT SUNGAI HAMPAR KG BARU
SUNGAI BULOH**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut ?
- b) Bilakah penyelesaian tersebut dapat dilakukan ?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) telah memohon peruntukan bagi Menaiktaraf Sg. Hampar di bawah salah satu skop Rancangan Tebatan Banjir Sg. Buloh (Fasa 2) dengan anggaran kos RM 20 juta yang dipohon melalui Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) kepada Kerajaan Persekutuan. Bagi tindakan jangka masa pendek JPS Selangor telah dan akan melaksanakan kerja-kerja Penyelenggaraan Sg. Hampar secara berkala meliputi skop membuang halangan, membersihkan sampah sarap dan kerja-kerja membuang kelodak di dalam sungai.
- b) Sekiranya projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Buloh (Fasa 2) ini diluluskan, ia akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu bermula dari tahun 2021 sehingga tahun 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN KEKAL KUALA LANGAT UTARA

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri akan meneruskan pemansuhan status hutan simpan kekal tersebut?
- b) Apakah alasan-alasan kerajaan negeri untuk pemansuhan status tersebut?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis sedang diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 yang lalu. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (Town Hall Session) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan HSK tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan yang dikemukakan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna sebelum diangkat kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Berdasarkan kepada analisa bantahan ini, beberapa justifikasi boleh diperolehi untuk menjadi asas pertimbangan dan seterusnya memberi opsyen-opsyen yang wajar samada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

- b) HSK Kuala Langat Utara telah diwartakan pada 13 Mei 1927 dengan keluasan asal berjumlah ±7,246.96 ha. Kini keluasan HSK Kuala Langat Utara adalah berjumlah ±957.63 ha dan dikelilingi oleh pelbagai pembangunan guna tanah seperti perumahan Saujana Putra, Lebuhraya ELITE, perkampungan-perkampungan orang asli, aktiviti pertanian sawit, Ladang Boh Bukt Cheeding dan pembangunan bercampur Gamuda Cove.

Selain itu, beberapa kali insiden kebakaran telah berlaku di HSK Kuala Langat Utara ini yang memusnahkan sebahagian kawasan HSK sehingga mengalami kemerosotan kualiti hutan (degradasi). Berdasarkan rekod, dari tahun 2012 hingga 2017 seluas 359.60 ha @ 888.21 ekar kawasan hutan ini telah terbakar. Ini menjadikan sebanyak 30-40% daripada keseluruhan kawasan HSK Kuala Langat Utara telah mengalami kemerosotan akibat kebakaran hutan. Berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan Bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017-2021, jumlah peratusan kawasan ini telah dikategorikan sebagai kawasan berisiko tinggi (Zon Merah) di dalam Peta Zon Risiko Kebakaran.

Justeru itu, tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi isu kebakaran hutan ini akan melibatkan sejumlah peruntukan yang besar. Dianggarkan sejumlah RM 1 juta diperlukan dalam pelaksanaan program pencegahan dan operasi pemadaman kebakaran hutan dalam satu masa. Kos ini meliputi projek pembinaan telaga tiub, pembinaan *fire break*, pengaktifan telaga tiub, sewaan jentera semasa kebakaran, penggunaan pesawat *bombardier* dan lain-lain keperluan logistik. Berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang tinggi ini, Kerajaan Negeri perlu meneliti sebaiknya keperluan pengekalan HSK ini serta pulangan ekonomi melalui kaedah seperti Kajian *Cost Benefit Analysis* (CBA).

Merujuk kepada Seksyen 11 (b), Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 telah menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dalam HSK jika berpuas hati ianya diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang

Tidak dinafikan bahawa pelbagai aktiviti pembangunan guna tanah yang pesat di sekeliling hutan ini menjadi antara faktor ancaman ke atas pengekalan hutan ini. Di samping itu, sebahagian kawasan HSK Kuala Langat Utara ini juga bakal dibangunkan untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan seluas ±9.6ha @ ±3.2 km. Projek ini adalah merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan mempunyai kepentingan yang tinggi untuk manfaat awam.

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-30/2019 bertarikh 16 Oktober 2019, seluas ±931.17ha @ ±2,300 ekar kawasan HSK Kuala Langat Utara ini telah diluluskan untuk pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Walau bagaimanapun, sebelum proses pemberimilikan tanah ini diteruskan, syarat-syarat penyahwartaan HSK telah dikenakan untuk dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon. Antara syarat-syarat yang

telah dikenakan adalah melaksanakan Kaedah Penyiasatan Awam, penggantian kawasan HSK yang setara dan/atau lebih luas saiznya, proses pengeluaran dan penggantian HSK yang berlaku secara serentak, penganan bayaran pampasan gantirugi ke atas kehilangan manfaat hutan dan lain-lain syarat berkaitan.

Berdasarkan kepada analisa bantahan melalui Sesi Penyiasatan Awam ini, beberapa justifikasi boleh diperolehi untuk menjadikan asas pertimbangan atau alasan dan seterusnya mengesyorkan opsyen-opsyen yang wajar kepada MMKN sama ada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : STATUS TERKINI SURAU AL-AKHLAQIAH

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Surau Al-Akhlaqiah, Kampung Pinang Tunggal beroperasi di atas tapak tanah yang tidak diwartakan sebagai tapak surau?
- b) Adakah tapak tanah tersebut diwartakan sebagai tapak sekolah agama?
- c) Apakah boleh sebuah surau beroperasi di atas tapak sekolah agama dengan mengabaikan prosedur sepatutnya?

JAWAPAN:

- b) Ya, dan tindakan untuk pewartaan akan dilaksanakan.
- b) Tidak. Pihak JAIS akan mengambil tindakan pewartaan sebagai tapak surau.
- c) Tidak boleh, kecuali setelah status warta tanah telah diubah kepada status yang baru bagi tujuan pembangunan yang baharu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR DI CHERAS HARTAMAS

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Statistik gangguan bekalan air di Cheras Hartamas?

- b) Adakah Pihak Air Selangor mempunyai penyelesaian jangka panjang bagi mengelakkan gangguan bekalan air akibat tekanan rendah di Cheras Hartamas?

JAWAPAN:

- a) Statistik gangguan bekalan air di kawasan Cheras Hartamas adalah seperti berikut:

No	Gangguan Bekalan Air Berjadual	2019	2020 (Feb)
1.	Kerja-kerja Pencucian Paip Agihan Menggunakan Kaedah ' <i>Pressurized Cleaning</i> '	4	0
2.	Kerja-kerja penyambungan paip air (pengalihan paip)	1	0
3.	Kerja Pencucian Kolum Air	0	1
Jumlah		5	1

No	Gangguan Bekalan Air Tidak Berjadual	2019	2020 (Feb)
1.	Paip Pecah	9	0
2.	Masalah Loji Rawatan Air Sungai Langat	3	0
3.	Penurunan paras air kolam	2	3
Jumlah		14	3

b) Penyelesaian jangka panjang bagi mengelakkan gangguan bekalan air akibat tekanan rendah di Cheras Hartamas adalah seperti berikut:

1. Kawasan Cheras Hartamas mendapat bekalan air dari Loji Rawatan Air Sg. Langat yang disalurkan ke Kolam Sg Midah. Bekalan air dari sumber yang sama ini turut membekalkan air ke kawasan lain seperti Alam Damai, Bukit Cheras, Damai Perdana, Bukit Anggerik dan lain-lain kawasan. Oleh demikian, bekalan air ke Cheras Hartamas adalah tidak berapa stabil buat masa ini.
2. Satu kerja "*interconnection*" sedang dilaksanakan di Kolam Damai Perdana A (Melalui Kolam Sg Besi) dan ianya berfungsi menyalurkan air dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Damai Perdana A dan membekalkan air kepada lebih 2,000 akaun di kawasan Cheras Hartamas. Projek "*interconnection*" ini dijangka siap pada penghujung tahun 2020, ianya dijangka dapat mengurangkan permintaan daripada Kolam Sg Midah dan seterusnya bekalan ke Cheras Hartamas akan lebih stabil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : SISTEM SOKONGAN WANITA

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan sistem sokongan kepada para wanita dan ibu dalam kalangan penjawat awam di Negeri Selangor agar dapat terus berada dalam pasaran kerja. Senaraikan.
- b) Bagaimanakah prestasi dan kadar kejayaan dasar ini.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PERMIT KEGUNAAN UNTUK AKTIVITI PERTANIAN DI HUTAN SIMPAN
KUALA LANGAT SELATAN**

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini untuk perkara ini memandangkan perkara ini pernah dibincangkan di pihak MMKN tetapi masih belum apa-apa keputusan terkini?

JAWAPAN:

- a) Maklumat-maklumat mengenai kawasan yang terlibat telah diperolehi dan Kertas Ringkasan Cadangan Kelulusan Pemberian Permit Penggunaan Melalui Program Pemutihan Ke Atas Kawasan Pencerobohan dan Penerokaan Secara Haram di Dalam Hutan Simpan Kuala Langat Selatan Melalui Pendekatan Kaedah dan Amalan Perhutanan Tani telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 12 Jun 2019. Hasil daripada keputusan mesyuarat berkenaan, kertas ringkasan tersebut telah dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang telah bersidang pada 18 Julai 2019. Keputusan Mesyuarat MTES pada ketika itu memutuskan bahawa beberapa perkara dalam kertas ringkasan tersebut perlu diperhalusi sebelum diangkat semula ke Mesyuarat MMKN.

Keluasan keseluruhan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan adalah 8,339.72 ha. Berdasarkan rekod jabatan sejumlah 3,160 ha telah diteroka untuk pelbagai tanaman seperti kelapa sawit, pisang, serai, kunyit, halia dan lain-lain. Terdapat 436 permohonan untuk memperolehi permit penggunaan telah diterima melibatkan kawasan seluas 1,380 ha. Kumpulan peneroka yang memohon pertimbangan kerajaan negeri untuk memperolehi Permit Penggunaan adalah seperti berikut :-

1. Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Kawasan Pantai Selangor
2. Penduduk Kampung Labohan Dagang
3. Penduduk Kampung Orang Asli Bukit Tadum
4. Penduduk Kampung Sungai Kelambu
5. Penduduk Kampung Tanjung Sepat

6. Jabatan Pertanian Negeri Selangor - Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
7. Pemegang-pemegang Permit Penggunaan lama

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang memperhalusi opsyen- opsyen yang paling sesuai untuk menangani masalah-masalah yang sering timbul akibat penerokaan ini. Antara opsyen yang sedang dipertimbangkan adalah :-

1. Penguatkuasaan dan menghutan semula secara Jabatan.
2. Menggantikan kawasan penerokaan sebagai Ladang Hutan.
3. Pemutihan melalui Permit Penggunaan jangka pendek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : TEMPOH PENYEWAAN PREMIS MILIK PBT

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak PBT berhasrat untuk menetapkan tempoh penyewaan premis perniagaan milik PBT bagi mengelakkan peniaga ini menyewa premis PBT dengan terlalu lama dan memberi peluang kepada peniaga baru untuk menyewa premis perniagaan PBT khasnya di MPK.

JAWAPAN:

- a) Tidak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENYAKIT CORONAVIRUS

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan ancaman coronavirus kepada sektor pelancongan Negeri Selangor?
- b) Nyatakan statistik pelancong yang datang ke kawasan strategik pelancongan di kawasan Hulu Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sektor pelancongan di Negeri Selangor terjejas berikutan penularan wabak coronavirus sejak bulan Februari yang lalu. Situasi ini amat terkesan selepas jumlah pelancong khususnya dari China dan beberapa negara lain seperti Singapura serta Indonesia, menurun berbanding sebelum ini yang merupakan penyumbang besar jumlah kedatangan pelancong daripada luar negara ke Negeri Selangor.

Keadaan ini turut mempengaruhi pelancong tempatan untuk berkunjung ke kawasan pelancongan di sekitar Negeri Selangor ekoran khuatir wabak coronavirus yang semakin menular ketika ini. Penggiat Industri pelancongan termasuk hotel, operator produk pelancongan, pusat membeli-belah, taman tema dan agensi pelancongan mengalami penurunan pengunjung yang amat drastik sehingga 50% hingga 60% penurunan berbanding tahun sebelum ini.

- b) Statistik kedatangan pelancong ke Hulu Selangor untuk Tahun 2019 (Januari hingga Disember) adalah seperti berikut:-

JUMLAH KESELURUHAN KEDATANGAN PELANCONG (Orang)	JUMLAH PELANCONG DOMESTIK (Orang)	JUMLAH PELANCONG ANTARABANGSA (Orang)
30,877	29,176	1,701

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KOS SARA HIDUP TINGGI

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani dan mengurangkan beban kos sara hidup yang terpaksa dipikul rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor merupakan suatu pentadbiran yang bertanggungjawab, *a responsible government*. Impian rakyat Malaysia adalah untuk melihat Kerajaan berjaya membela nasib rakyat.

Belajawan tahun 2019 memperkenalkan Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang mana berkongsi kemakmuran bukan bererti menyamaratakan nikmat dan hasil yang diperolehi tetapi haruslah memastikan agihan sampai ke sasaran yang layak. Keadilan bukan sekadar melaksanakan *populist policies* tetapi membantu mereka yang selayaknya.

Buat masa ini semua Program IPR dijangka bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor yang memberi fokus kepada golongan B40.

Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) mengambil kira dan bertumpu kepada perkara yang berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat dalam sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan yang boleh dimohon oleh golongan B40 dan M40. Program-program penjana pendapatan rakyat ini

adalah ditawarkan kepada pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh setiap program bantuan tersebut bagi membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup yang dipikul oleh rakyat.

Pengecualian Fi Lesen Penjaja merupakan salah satu inisiatif yang diberikan kepada peniaga kecil dan penjaja di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu kumpulan tersebut menambah baik ekonomi mereka dan meringankan beban kewangan peniaga-peniaga kecil sekaligus membantu mengurangkan beban mereka sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : ANCAMAN DENGGI DI SELANGOR

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes denggi di Selangor mengikut PBT dari tahun 2017 hingga 2019
- b) Nyatakan jumlah kes kematian mengikut PBT dari tahun 2017 hingga 2019
- c) Nyatakan jumlah saman dan dakwaan mahkamah mengikut PBT dari 2017 hingga 2019

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan sistem e denggi yang diselaras di kesemua negeri dalam Malaysia. Tiada maklumat kes denggi dibuat pengasingan mengikut PBT dalam sistem berkenaan. Walaubagaimanapun berikut adalah data umum kes denggi di Selangor dari tahun 2017 sehingga 2019;

Daerah	Tahun							
	2017		2018		2019		2020 (ME 10)	
	Bil Kes	Bil Mati	Bil Kes	Bil Mati	Bil Kes	Bil Mati	Bil Kes	Bil Mati
Petaling	13,658	13	15,601	11	26,457	25	5,931	3
Hulu Langat	13,243	29	7,987	11	15,212	19	2,975	0
Klang	7,913	7	11,823	5	13,057	7	3,642	5
Gombak	5,727	10	5,394	2	10,440	5	2,890	3
Selangor	1,807	1	1,424	7	2,770	0	899	2
Hulu Selangor	865	3	1,018	1	1,721	0	639	1

Kuala Langat	1,328	2	1,233	1	1,338	0	284	0
Kuala Selangor	551	2	699	2	1,347	0	422	0
Sabak Bernam	198	0	176	1	201	0	42	0
Selangor	45,290	67	45,355	41	72,543	56	17,749	14

b) Jumlah kematian seperti dalam jadual di atas.

c) Tiada maklumat jumlah saman dan dakwaan mahkamah diselaras mengikut PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : LALUAN KOMUTER / LRT

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perancangan untuk membuat laluan LRT, khasnya di sekitar Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Perancangan bagi perkhidmatan Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit* – LRT) di Negeri Selangor adalah berdasarkan pelan cadangan yang dikenalpasti melalui Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) dan hanya dapat dilaksanakan dengan kerjasama penuh Kerajaan Persekutuan terutamanya dari segi peruntukan sekiranya dipertimbang dan diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Oleh itu, Kerajaan Negeri juga belum mempunyai sebarang perancangan bagi laluan LRT di kawasan Taman Templer. Ini kerana penyediaan pengangkutan awam berasaskan rel memerlukan kos yang sangat tinggi dan di luar kemampuan Kerajaan Negeri, manakala sektor pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan pengangkutan awam yang sistematik dan menyeluruh di setiap negeri.